

DATE: 9/11/2008

UTUSAN MALAYSIA

# Tiga hakim dipecat – Dr. Mahathir

Oleh THOMAS CHONG

UM-9/11/2008

**PUTRAJAYA** 8 Nov. – Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua lagi bekas hakim kanan yang terlibat dalam krisis kehakiman 20 tahun lalu telah dipecat dan bukannya ditamatkan perkhidmatan lebih awal.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, bayaran pencen bagaimanapun masih diberikan kepada Salleh dan bekas hakim-hakim tersebut selepas mengambil kira perkhidmatan mereka kepada kerajaan.

“Tun Salleh sebagai contoh telah menerima tiga pencen. Apabila hakim mencapai umur 55, mereka mula menerima pencen dan satu lagi pencen diberikan apabila mereka sampai 65 tahun.

“Tun Salleh juga merupakan bekas ahli Exco kerajaan Terengganu dan dapat satu pencen lagi. Sekarang beliau dapat lagi ex-gratia RM5 juta, saya ucapkan tahniah,” katanya selepas menghadiri forum mengenai nilai belia dan kepimpinan masa depan di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Khamis lalu, pada sesi Parlimen, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, tribunal terbabit tidak pernah mengeluarkan perintah supaya memecat hakim-hakim itu, dan pada sidang akhbar selepas itu beliau sekali lagi menegaskan bahawa hakim-hakim itu telah diminta meletak jawatan.

Salleh, Allahyarham Tan Sri Wan Suleiman Pawan Teh dan Datuk George Edward Seah dipecat dari jawatan selepas tribunal berkenaan mendapati mereka bersalah atas salah laku dalam krisis kehakiman 1988, sementara tiga hakim lain Tan Sri Datuk Mohd Azmi Kamaruddin, Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdoolcader dan Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh digantung tugas tetapi kemudian dikembalikan ke jawatan mereka.

Ditanya sama ada RM5 juta yang dibayar kepada Salleh merupakan suatu jumlah yang sepatutnya, Dr. Mahathir bagaimanapun enggan memberi ulasan lanjut.

“Ia (jumlah ex-gratia) bergantung kepada kerajaan. Kerajaan dalam mood yang baik dan mereka mempunyai banyak duit dan mahu berikan kepada rakyat,” katanya.